



جَاءَنَّ مُفْتَنَةً فِي قَمَحٍ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الْذِكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Soalan :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Apakah hukum apabila dalam kumpulan “Whatsapp” dihujani dengan soalan dan perbualan yang tidak menjaga kehormatan. Untuk pengetahuan, kumpulan whatsapp ini terdiri daripada golongan isteri-isteri orang dan suami-suami orang. Misalnya, seorang perempuan menceritakan tentang saiz tubuh badan mereka, aurat mereka sebagai gurauan dan mendapat balas dan reaksi para lelaki di dalam kumpulan itu tanpa sedikit segan silu. Mohon pandangan ustaz.

Terima kasih.

Jawapan:

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi besar junjungan kita Muhammad SAW, keluarga, sahabatnya dan mereka-mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada puan di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Hukumnya adalah **haram** kerana ia merupakan perkara yang *lagha* (sia-sia) dan mengundang berlakunya perkara-perkara yang membawa kepada kemaksiatan. Sepertiimana firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 32 yang menyatakan bahawa:

وَلَا تَقْرُبُوا الْزِنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحْشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: “*Dan janganlah kamu mendekati zina; (zina) itu sungguh suatu perbuatan keji, dan suatu jalan yang buruk*”.

Dalam ayat ini menjelaskan bahawasanya bukan sekadar Allah SWT melarang perbuatan zina bahkan apa-apa sahaja yang boleh membawa kepada zina seperti memakai bau-bauan yang boleh menarik perhatian,pandangan mata, pergaulan bebas (*ikhtilat*) antara lelaki dan perempuan dalam tanpa adanya keperluan yang mendesak juga dikira sebagai perbuatan yang menghampiri zina. Situasi ini perlu dijauhi kerana dapat mendorong kepada keadaan yang lebih buruk kelak.

Dalam kitab tafsir Ibn Kathir menyatakan bahawa Allah SWT melarang para hamba-Nya daripada melakukan zina dan apa juu perkara yang boleh membawa kepada zina. Rujuk Tafsir al-Azim (5/72).Jika terdapat padanya keperluan atau hajat untuk seorang wanita *berwhassap* dengan suami orang atau sebaliknya adalah dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut:

1. *Berwhatssap* hanya pada urusan yang penting sahaja seperti urusan pekerjaan, muamalat dan sebagainya.
2. Menggunakan bahasa/ayat yang jelas dan terang tanpa sebarang kiasan (double meaning), bahasa-bahasa lucah dan sebagainya.
3. *Berwhassap* hanya pada waktu yang sepatutnya sahaja seperti waktu kerja.

4. Elakkan daripada menggunakan sebarang emoji yang boleh membawa maksud yang tidak baik.

Menurut Dr. Muhammad al Zuhaili dalam kitabnya, *al Mu'tamad Fi al Fiqh Syafie*, Hukum asal lelaki ajnabi melihat wanita ajnabi atau sebaliknya adalah haram khususnya pada situasi yang tidak terdapat padanya keperluan atau hajat. Namun demikian, ia dibenarkan jika terdapat padanya hajat atau keperluan khususnya dalam perkara-perkara yang bersifat penting seperti perubatan (dengan syarat ditemani oleh mahram), penyaksian, pembelajaran, prosiding kehakiman serta muamalat jual beli. (Muhammad al Zuhaili, *al Mu'tamad Fi al Fiqh al Syafie*, jil. 4, m/s49-51).

Pada masa yang sama, kita menerima perubahan zaman dengan kecanggihan teknologi di mana manusia boleh berhubung secara dalam talian menerusi media social seperti *facebook*, *twitter*, *whassap* dan sebagainya. Namun demikian, ia tetap tertakluk kepada batasan dan ketetapan hukum syarak. Hukum berkomunikasi secara dalam talian antara lelaki dan wanita ajnabi seperti *whassap* adalah boleh diqiyaskan dengan bercakap secara lisan serta ia boleh diberikan panduan hukum syarak padanya.

Justeru itu, jika seorang wanita berhubung dengan seorang lelaki ajnabi menerusi medium *whassap* adalah **tidak harus atau haram MELAINKAN** terdapat padanya keperluan atau hajat seperti yang dinyatakan di atas. Berdasarkan kepada kaedah fiqh iaitu:

سُدُّ الزَّرَائِعِ

Maksudnya: Menutup segala pintu-pintu kemudaratan

Rujukan

1. Al-Quran Dan Terjemahan
2. Al-Zuhayli, Muhammad. *Kitab Al-Muktamad Imam Syafie*.
3. Taji Al-Din Abdul Wahab Bin Ali, *`Ashbah Al-Nazair*,